

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU
KAWASAN : KOTA RAJA
TARIKH : 17 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN NO. 35

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan data daripada Polis Trafik Klang menunjukkan lebih 360 kes kemalangan berlaku di FT 190 dalam Parlimen Kota Raja dan salah satu sebab utamanya ialah keadaan jalan raya yang rosak dan tidak pernah diturap selama 20 tahun tetapi hanya ditampal sahaja. Maka adakah pihak Kerajaan merancang untuk menurap semula tar di FT 190 Jalan Kota Raja, FT 190 Jalan Kebun dan FT 190 Jalan Bukit Kemuning.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sentiasa mengambil perhatian ke atas masalah kerosakan jalan Persekutuan yang berlaku di FT190 dalam Parlimen Kota Raja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah panjang Jalan Persekutuan FT190 iaitu Jalan Kota Raja, Jalan Kebun dan Jalan Bukit Kemuning disenggara oleh syarikat konsesi adalah sepanjang 17.00 km. Sebanyak RM350 ribu setahun telah diperuntukkan bagi penyenggaraan rutin di jalan Persekutuan FT190 iaitu Jalan Kota Raja, Jalan Kebun dan Jalan Bukit Kemuning dan sebanyak RM5.4 juta bagi tahun 2018 hingga 2020 bagi kerja-kerja penyenggaraan berkala.

Bagi tahun 2021, Kementerian Kerja Raya telah merancang sebanyak 14 bilangan kerja pembinaan jalan di bawah program penyenggaraan berkala pavemen (BP) dengan nilai keseluruhan kerja sebanyak RM19.10 juta. Kerja – kerja ini akan dilaksanakan secara Arahan Kerja (AK) kepada syarikat konsesi dan tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan serta senarai keutamaan kerja yang disediakan oleh Jabatan Kerja Raya berdasarkan penilaian tahap kritikal kerosakan jalan bagi keseluruhan jaringan Jalan Persekutuan di bawah seliaan Kementerian ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pihak syarikat konsesi yang dilantik bertanggungjawab untuk melaksanakan kerja penyenggaraan rutin iaitu skop kerja penyenggaraan pavemen, penyenggaraan bahu jalan, potong rumput, perabot jalan, mencuci jambatan dan pembetung, mencuci longkang serta pemeriksaan rutin.

Syarikat konsesi juga melaksanakan kerja penyenggaraan berkala pavemen dan bukan pavemen yang dilaksanakan secara Arahan Kerja

NO SOALAN : 35

(AK) berdasarkan peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Selain itu, kerja kecemasan juga dilaksanakan oleh syarikat dengan membuat tindakan segera jika berlaku kejadian yang di luar jangka. Sebagai contoh, kerja membersihkan jalan setelah kejadian tanah runtuh, menyediakan pelan pengurusan trafik atau *Traffic Management Plan* (TMP) dan menyediakan laluan sementara bagi membolehkan jalan dilalui oleh kenderaan.

Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya sentiasa komited dalam memastikan tahap keadaan jalan sentiasa dalam keadaan yang selamat dan selesa.

Sekian, terima kasih.